

Ucapan Balas
Tengku Nasyaruddin S. Effendy
Penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan
Di Majelis Konvokesyen ke- 33
Universiti Kebangsaan Malaysia
17 September 2005
Di Dewan Cancelor Tun Abdul Razak
(DECTAR) UKM Bangi

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullah wabarakatuh dan
Selamat sejahtera*

Yang Amat Berbahagia
Tun .Datuk (Dr) Abdullah bin Hj. Mohd, Saleh
Pro-Canselor University Kebangsaan Malaysia

Yang Berbahagia
Prof. Dato' Dr. Mohd . Salleh Mohd Yasin
Naib Canselor University Kebangsaan Malaysia

Datuk Setia Amanah
H. M. Rusli Zainal, SE
Gubernur Riau

Yang Berbahagia
Bapak Ismed Abdullah
Gubernur Kepulauan Riau

Yang Berbahagia
Drh. H. Chadir MM
Pengarah Speaker (DPRD Riau)

Yang Berbahagia
Datuk Bandar Setia Amanah
Drs. H. Herman Abdullah, MM
Walikota Pekanbaru – Riau

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti

*Ucapan Balas Tengku Effendy Pada Pengamugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM) Bangi - Selangor Darul Ehsan
17 September 2005*

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Ahli-Senat

Ahli Akademik

Pegawai-pegawai Universiti

Para ibu bapa yang di hormati

Serta para graduan yang dikasihi sekalian

Anugerah yang diberikan pada saya sekarang, dalam hidup saya yang sudah lanjut ini, sesungguhnya tak pernah saya bayangkan. Bagaimana saya hendak membayangkannya, kalau syarat-syarat formal itu tak ada pada saya. Tahun-tahun sekolah saya, yang sewajarnya membuka pintu harapan untuk sampai ke pterakna kemuliaan seperti ini, amatlah terhad.

Saya yang bersekolah di bawah pokok pisang, dengan **Anugerah Kehormatan** ini merasa melambung ke puncak gunung. Hal ini menyebabkan saya menjadi gamang dan bertanya di dalam hati, " Apakah saya mampu menyandang dan memelihara anugerah yang tinggi ini? "

Sebab, orangtua-tua kita mengingatkan :

"*Karena gelar, kepala besar*

Karena dipuji, lupakan diri

Karena disanjung, kembanglah hidung"

Apatah lagi ungkapan adat mengatakan :

"*Semakin tinggi tempat tegak*

Semakin dalam tempat jatuh"

Walau bagaimanapun, setiap manusia agaknya memiliki kegelisahannya sendiri, yang sebabnya boleh jadi berpunca dari desakan minat alamiah, keprihatinan terhadap alam sekitar serta kenyataan yang ada, atau boleh jadi pula karena menatap masa hadapan yang penuh cabaran. Setidak-tidaknya, itulah perasaan yang senantiasa hadir pada diri saya, dalam sisa-sisa usia saya yang semakin rapuh ini, setiap kali saya memungut remah-remah kebudayaan Melayu, menuliskan apa-apa yang saya dengar,

apa-apa yang saya lihat, apa-apa yang tersemat dalam ingatan, terukir dalam jiwa, saya tafsirkan dibalik kata, bunyi dan rupa, itulah yang saya wujudkan dalam tulisan.

Maka sungguh tak terkira besarnya kebahagiaan yang saya rasakan manakalah kerja-kerja yang demikian itu, disimak dan dipandang sebagai bentuk pengabdian kepada alam Melayu. Kebahagiaan itu disempurnakan pula oleh masyarakat akademik yang sangat berwibawa seperti Universiti Kebangsaan Malaysia ini, yang hari ini telah mengalu-alukan saya dengan **Anugerah Kehormatan**. Tidak ada yang dapat saya berikan kepada institusi bermarwah ini. Lebih dari ucapan terimakasih yang tulus dari lubuk hati seorang yang amat dibahagiakan. Semoga dengan penganugerahan ini juga dapat mengekalkan hubungan diantara kedua bangsa serumpun.

Secara khas ucapan terimakasih saya sampaikan pula kepada Pengarah dan Ahli-ahli Akademik Institut Alam Tamaddun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. Karena kerja-kerja beliaulah tulisan-tulisan saya terhimpun kembali, dan berpeluang menjangkau khalayak yang sangat luas menerusi portal khas yang beliau tubuhkan.

Di tangan beliau-beliau inilah, yakni tangan tokoh handal Prof.Dato' Dr Shamsul Amri Baharuddin, Dr.Ding Choo Ming, DR. Supyan Hussin, DR.Noriah Muhamed (ATMA) dan dukungan penuh sahabat-sahabat lainnya di Gapena , terutama Prof.Dr.Emiritus Tan Sri Ismail Husen, Prof. Dato Dr.Abdul Latif Abubakar, Prof.Madya Zainal Borhan, termasuk Institut Seni Malaysia Melaka (ISSMA), Warisan Melaka, Warisan Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam , sehingga remah-remah kebudayaan Melayu yang saya rajut dan jalin itu dicanai, diasah, digilap dan desebarluaskan sehingga dianggap sebagai butir-butir khasanah budaya Melayu yang bermanfaat bagi dunia Melayu dan ilmu pengetahuan.


Dari lubuk hati yang paling dalam saya berharap, mudah-mudahan sumbangan saya yang tidak seberapa ini serta anugerah kehormat yang saya terima dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dapatlah hendaknya menjadi perekat tali persaudaraan Melayu Serumpun, menjadi simpai yang mengekalkan hubungan antara bangsa-bangsa rumpun Melayu, khasnya Indonesia dan Malaysia. Sebab hubungan budaya adalah hubungan yang mengacu kepada nilai-nilai asas kemelayuan yang merindukan perdamaian

Dan juga kepada semua pihak yang tidak dapat disebut satu persatu, yang besar tak disebut gelarinya, yang kecil tak disebut namanya yang banyak memberi sokongan dalam kerja-kerja saya selama ini.

Semoga Allah senantiasa melimpahkan rahmat dan hidayah Nya kepada kita semua.

*'Dahan kayu dahan bercabang
Tak kan layu dipegang lama
Jangan ragu dan jangan bimbang
Tak Melayu hilang di dunia'*

Wabillahitaufik walhidayah
Wassalamualakum warahmatullah Wabarakatuh.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "TENAS EFFENDY". It is written in a fluid, cursive style with some loops and flourishes.

Tenas Effendy

PIDATO UNTUK PAK TENAS EFFENDY

Pemidato:

Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin

TENGKU NASYARUDDIN S. EFFENDY BIN TENGKU SAYED UMAR MUHAMMAD

1. Usaha pengisian dan pembinaan bidang Pengajian Alam Melayu, suatu bidang yang mengkaji dan mengupas serba serbi mengenai manusia Melayu, adalah suatu proses yang rumit. Ianya memakan masa yang lama dan memerlukan sumbangan daripada pelbagai pihak. Paling utama diperlukan adalah sokongan prasarana dan kewangan yang mantap. Melalui paduan harmonis antara kesemua komponen inilah Pengajian Alam Melayu itu dapat diisi dan dibina dengan teguh.
2. Para sarjana serta penyelidik merupakan salah satu daripada beberapa kelompok yang terlibat dalam keseluruhan proses pembinaan Pengajian Alam Melayu.
3. Audien yang lebih besar adalah peminat, pelajar dan pengamal yang mendukung bidang Pengajian Alam Melayu. Para

pustakawan dan perpustakaan juga turut memain peranan penting sebagai penyimpan khazanah tradisional dan klasik bidang ini.

4. Tetapi, era globalisasi telah merubah ini semua.
5. Segalanya sudah menjadi berlipatganda. Saiz audien, keperluan dana, tenaga sokongan, keperluan teknikal dan berbagai komponen lain, dalam usaha membangun dan memperkembang Pengajian Alam Melayu.
6. Buat masa ini, yang paling diperlukan adalah pakar Teknologi Maklumat (IT) kerana dulunya kesemua bahan berkait dengan Pengajian Melayu adalah dalam bentuk kertas. Tetapi kini perlu didigitalkan untuk dimuatkan dalam Internet bagi dirujuk segera di seluruh dunia, oleh siapa saja yang berminat.
7. Namun, biar sebesar mana pun gelombang globalisasi, dalam usaha membangun Pengajian Alam Melayu ini, sumbangan para aktivis budaya dan pencinta warisan yang berpandangan jauh dan beriltizam tinggi tetap diperlukan untuk terus meniupkan semangat dan perangsang dalam usaha ini.
8. Salah seorang tokoh penyumbang tersebut adalah **TENGKU NASYARUDDIN S. EFFENDY BIN TENGKU SAYED UMAR MUHAMMAD**, atau lebih dikenal umum dengan nama

timangannya, **TENAS EFFENDY**, yang dilahirkan pada 9 November tahun 1936, di Pelalawan Riau, Indonesia.

9. Pak Tenas Effendy adalah seorang pengamal, pengumpul, sarjana, pencinta, penyelidik, penyimpan, penulis, pustakawan dan pencipta dalam bidang Pengajian Alam Melayu. Kesemua ini telah dilakukannya selama 50 tahun ini.

10. Dalam salasilah keilmuan saintifik moden beliau adalah seorang filologis, pengkaji sastera, antropologis, sosiologis, ahli falsafah, folkloris, sejarawan, *archivist extraordinaire* dan aktivis budaya *par excellence*.

11. Tidak keterlaluan jika diungkapkan apa yang telah dilakukan oleh Pak Tenas sekian lamanya ini sebagai suatu perbuatan murni untuk 'menghambakan' dirinya kepada ilmu pengetahuan yang berkait dengan manusia Melayu, iaitu, warisan peradaban Melayu yang nyata dan yang tidak.

12. Yang lebih dikagumi adalah kemurahan hatinya yang luar biasa, rendah dirinya yang cukup menginsafkan, seni puitisnya yang tidak ada tolok bandingnya, dan kejernihan pemikirannya yang menembusi semua lapisan manusia. Kesemuanya ini dicapai dengan hanya berbekal pendidikan sekolah rendah. Tetapi prestasi dan

suksesnya membuatkan para sarjana Pengajian Alam Melayu di seluruh dunia tunduk malu lagi penuh hormat.

13. Pintu istana ilmunya senantiasa terbuka luas kepada semua pencinta dan pengkaji mengenai manusia Melayu. Lebih dari 200 orang calon ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, dari seluruh pelusok dunia, telah memperoleh manfaat daripada koleksi ilmu Pak Tenas Effendy ini dan daripada perbincangan mereka dengan beliau. Mereka akhirnya telah memperoleh ijazah idaman masing-masing.

14. Kini, beliau, dengan penuh ketulusan hati dan iltizam mendalam, telah mengizinkan Institut Alam dan Tamadun Melayu, atau ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, semenjak 2004, untuk mendigitasikan bukan sahaja koleksi bertulis yang tersimpan dalam kepustakaannya tetapi juga imej, rakaman video dan serba serbi lagi bahan yang ada dalam simpanan beliau. Dari khazanah ini kami berjaya membina sebuah pangkalan data digital mengenai Koleksi Khas Pak Tenas Effendy.

15. Anda lihatlah sendiri sumbangannya dalam Laman Portal ATMA, iaitu, www.malaycivilization.com yang kini merupakan satu-satunya pangkalan data digital mengenai Alam Melayu, yang terbesar di seluruh dunia.

16. Institut Alam dan Tamadun Melayu (atau ATMA), UKM merasa cukup bertuah kerana inilah pertama kalinya dalam sejarah Pengajian Alam Melayu suatu koleksi yang tak ternilai kualiti dan pengucapannya, daripada salah seorang tokoh besarnya, telah berjaya didigitalkan selengkap mungkin. Koleksi ini wujud untuk dimanfaatkan oleh bergenerasi pencinta, penyelidik dan sarjana bidang Pengajian Alam Melayu seantero dunia untuk selama-lamanya.

17. Namun, kejayaan ATMA, UKM ini hanyalah sebagai suatu wahana yang cukup kerdil apabila dibandingkan dengan kegergasian sumbangsan wacana dan pengisian keilmuan Pak Tenas Effendy.

18. Bak kata pepatah Melayu, "harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama." Nama Tenas Effendy kini terpahat abadi dalam dunia siber seperti sebutir permata zamrud yang bersinar bekilau, memancarkan cahaya kesungguhan dan ketulusan niat, yang mengangkat Pengajian Alam Melayu sekali gus manusia Melayu ke persada pentas global.

19. Kalau UKM, sebagai sebuah universiti, diungkapkan kedudukannya sebagai "sebuah universiti nasional yang

jangkauannya menerobos ke arena global" maka sumbangan Tenas Effendy adalah salah satu jalur yang telah menjadikan cita-cita ini satu kenyataan.